



CIK SHEIFFA SAFI SHIRBEENI: Usahanya menganjurkan forum mengenai syariah dan menerajui projek buku *Navigating Syariah Law* (Mengemudi Undang-Undang Syariah) diiktiraf dalam Majlis Anugerah Pro Bono Undang-Undang NUS. – Foto M.O. SALLEH

Usaha mahasiswi gerakkan forum syariah diiktiraf

Terima geran di bawah Anugerah Pro Bono

► **HASLEEN BACHIK**
hasleen@sph.com.sg

PENGALAMAN singkat semasa menjadi sukarelawan di Mahkamah Syariah telah mencetuskan inspirasi kepada mahasiswi tahun kedua Fakulti Undang-Undang, Universiti Nasional Singapura (NUS), Cik Sheiffa Safi Shirbeeni, untuk menganjurkan Forum Undang-Undang Syariah.

Forum yang akan turut menyaksikan pelancaran buku panduan *Navigating Syariah Law* (Mengemudi Undang-Undang Syariah) pada Mei ini mendapat pengiktirafan baru-baru ini dalam Majlis Anugerah Pro Bono Undang-Undang NUS Ke-2 yang akan berlangsung di Kampus Bukit Timah.

Projek yang diterajui Cik Sheiffa Safi, 22 tahun, merupakan antara yang terpilih di bawah kategori Anugerah Pro Bono Kelas Undang-Undang NUS 1992 untuk menerima geran sehingga \$2,500 kerana kesan mangkin yang berupaya menarik perhatian serta menggerakkan usaha murni.

Memberikan maklumat lanjut mengenai inisiatif yang melibatkan 15 pelajar lain, Cik Sheiffa Safi, yang bertindak sebagai pengarah projek Forum Undang-Undang Syariah, berkata beliau juga merupakan pengarah projek bagi Rakan Mahkamah Syariah (SCF) dengan membawa pelajar ke Mahkamah Syariah.

“Tetapi saya tidak mahu sukarelawan sekadar ke mahkamah dan berakhir di situ. Saya mahu melakukan sesuatu yang membolehkan mereka menggunakan pengalaman mereka dan supaya ia dapat dikongsi dengan pelajar lain yang tidak berkesempatan ke Mahkamah Syariah dan mengetahui mengenai undang-undang syariah.

“Saya berasa lebih banyak boleh dilakukan dalam bidang undang-undang syariah

ini kerana sebagai pelajar undang-undang, kami tidak terlibat dalam undang-undang syariah. Tiada modul formal mengenai proses Mahkamah Syariah dan sebab itulah saya memikirkan tentang projek ini.”

Apatah lagi terdapat banyak salah tanggapan mengenainya. Sebagai contoh, sebahagian orang beranggapan hanya peguam beragama Islam sahaja yang boleh mengamalkannya, ujar Cik Sheiffa Safi.

Forum pada 13 Mei itu akan diadakan di Kampus Bukit Timah dari 10 pagi hingga 2 petang dan dijangka melibatkan antara 100 dengan 150 mahasiswa Fakulti Undang-Undang dan fakulti lain, serta mereka yang sudah berada dalam industri guaman dan sebagainya.

Forum tersebut akan melibatkan firma serta peguam yang arif dalam undang-undang syariah. Ia akan membincangkan proses di Mahkamah Syariah serta pembangunan masa depan bidang tersebut.

Buku yang akan dilancarkan pula akan menyingkap sejarah undang-undang syariah, teori di sebaliknya, sudut pentadbiran, prosedurnya di samping menyentuh tentang wasiat, perkahwinan dan perceraian dari sudut Islam.

“Mahkamah Syariah mempunyai banyak bahan mengenai prosedurnya dan lain-lain. Namun, kita perlu mencarinya satu persatu. Buku ini akan menyatukan semua itu,” ujar timbalan pengarah projek tersebut, Encik Prabu Devaraj, 24 tahun, yang pernah mengikuti latihan amali di sebuah firma yang turut mengendalikan kes syariah.

“Paling penting kami percaya perlunya membuka akses kepada keadilan, tidak kira apa jua kepercayaan seseorang dalam landskap undang-undang.

“Bagi seorang yang bukan Muslim, saya percaya adalah penting kita menyeberangi sempadan dan berusaha membantu mereka daripada agama dan kaum lain mengakses pengadilan bersama.

“Forum Undang-Undang Syariah ini adalah permulaan yang baik bagi golongan muda seperti kami semua,” kata Encik Devaraj.

Sementara itu, Anugerah Pro Bono Subhas Anandan RHTLaw Taylor Wessing

2017 bernilai \$5,000 diberi kepada Kelab Keadilan Jenayah NUS.

Encik Rajan Menon, pengasas yang juga konsultan kanan di firma guaman tempat peguam jenayah terkemuka mendiang Anandan pernah menjadi rakan kongsi, berkata:

“Bagi peguam yang baru menyertai atau memulakan kerjaya, khidmat pro bono memberi pendedahan kepada spektrum lebih luas dalam tugas guaman yang mungkin tidak akan mereka temui dalam kehidupan harian.

“Kebanyakan peguam sukarela kami juga mendapati kehidupan mereka lebih diperkaya dengan adanya kepuasan apabila mengetahui tugas pro bono mereka telah menyentuh kehidupan seseorang secara langsung dengan lebih bermakna dan berkekalan.”

Anugerah kepada kelab tersebut adalah satu penghormatan kepada mendiang Anandan.

Ia bagi menghormati legasi mendiang dengan menyampaikan anugerah tersebut kepada Kelab Keadilan Jenayah.

Dalam majlis itu, anugerah bagi individu disampaikan dalam empat kategori – Anugerah Kepimpinan Pro Bono dan Anugerah Pengiktirafan Khas serta dua anugerah baru iaitu Anugerah Perintis Pro Bono dan Anugerah Mentor Pro Bono.

Dua geran turut disampaikan kepada projek pro bono pelajar, termasuk Anugerah Pro Bono RHTLaw Taylor Wessing Subhas Anandan serta Anugerah Pro Bono Kelas Undang-Undang NUS 1992.

Dekan Fakulti Undang-Undang NUS, Profesor Simon Chesterman, berkata:

“Tugas pro bono adalah penting bagi pelajar Undang-Undang NUS kerana projek ini membolehkan pelajar meraih pengalaman dunia sebenar dalam mengamalkan undang-undang.

“Mudah-mudahan, dengan terlibat dalam tugas pro bono, pelajar akan dapat menemui tujuan serta tanggungjawab sosial sebagai karyawan undang-undang dan sedar bagaimana mereka boleh membuat perubahan kepada kehidupan di kalangan mereka yang memerlukan bantuan,” ujarnya.

Usaha beri bantuan guaman percuma dihargai

PADA akhir tahun kedua di sekolah undang-undang, Encik Will Jude Vimal Raj menyertai sayap pekerja asing Kumpulan Pro Bono Universiti Nasional Singapura (NUS).

Alumni berusia 26 tahun itu menubuhkan program 'Undang-undang & Anda' ketika itu, yang bertujuan menambah pengetahuan pembantu rumah asing hak undang-undang mereka. Sejak pelancarannya pada Januari 2015, inisiatif itu telah membantu kira-kira 200 orang.

Kelmarin, Fakulti Undang-undang NUS mengiktiraf usaha Encik Vimal Raj dengan memberinya Anugerah Perintis Bono Pro di majlis Anugerah Pro Bono NUS Law kedua.

NUS menyatakan kerja pro bono, bantuan guaman yang dilakukan secara sukarela, adalah penting bagi pelajar undang-undang mendapat pengalaman du-

nia sebenar dalam mengamalkan undang-undang.

"Mudah-mudahan, dengan melibatkan diri dalam kerja pro bono, pelajar-pelajar kita boleh menemui tujuan dan tanggungjawab sosial sebagai seorang profesional undang-undang dan sedar bagaimana mereka boleh membuat perubahan kepada kehidupan mereka yang memerlukan bantuan," kata Profesor Simon Chesterman, Dekan Fakulti Undang-Undang NUS.

Anugerah dalam tiga kategori lain dimenangi 17 pelajar dan mentor undang-undang. Dua kategori baru juga diperkenalkan tahun ini: Anugerah Perintis Pro Bono dan Anugerah Mentor Pro Bono.

Empat projek pro bono juga menerima geran kewangan melalui Anugerah Pro Bono RHT-Law Taylor Wessing Subhas Anandan dan Anugerah Pro

Bono Kelas Undang-undang NUS 1992.

Salah seorang penerima geran Kelas Undang-undang NUS 1992, pelajar tahun kedua, Cik Sheiffa Safi Shirbeeni, akan menerajui pelancaran Forum Undang-undang Syariah Mei ini.

Ia merupakan acara setengah hari untuk mendidik mahasiswa dan pengamal undang-undang yang berminat mengenai undang-undang syariah.

Cik Sheiffa Safi, 22 tahun, berkata beliau melihat terdapat keperluan menganjurkan acara serupa itu selepas menjadi sukarelawan di Mahkamah Syariah, yang antara lain menyeliahal berkaitan dengan perkahwinan dan perceraian di bawah undang-undang Islam.

Beliau mahu menjelaskan salah faham dan menggalakkan perbincangan mengenai undang-undang syariah.



TERIMA ANUGERAH: Antara penerima anugerah semasa acara Anugerah Pro Bono Undang-undang Universiti Nasional Singapura (NUS) termasuk (*dari kiri*) Encik Allen Sng, Cik Lim Boon Xin, Cik Hwang Soon Ae, Cik Sheiffa Safi Shirbeeni dan Encik Prabu Devaraj. – Foto M.O. SALLEH